Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902568-V)
Tingkat 3, Menara P 1,
No 46, Jalan Dagang, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel +60 3 2095 3030
Fax +60 3 2095 2121

MRT CORP

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Kosmo!
Date :	23/10/2015

Kontrak telah ditetapkan sebelum nilai ringgit merosot

Projek MRT tak beri kesan kenaikan kos pada kerajaan

KUALA LUMPUR – Projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Laluan Satu yang menghubungkan Sungai Buloh-Kajang tidak memberi sebarang kesan kenaikan kos pada kerajaan walaupun kejatuhan nilai ringgit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (**gambar kecil**) berkata, nilai kesemua kontrak pembinaan termasuk kontrak untuk kerja sistem yang melibatkan kontraktor luar negara adalah dalam mata wang ringgit.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kontrak berkenaan telah ditetapkan sebelum nilai ringgit mengalami kemerosotan.

"Dalam hubungan ini, sebarang kenaikan kos yang berlaku disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit akan ditanggung oleh pihak kontraktor. Sehingga kini, kenaikan kos yang ditanggung oleh kontraktor adalah sebanyak RM600,000," kata Najib dalam jawapan bertulis kepada Datuk Ahmad Fauzi Zahari (**BN-Setiawangsa**).

SEBARANG kenaikan kos dalam projek MRT Sungai Buloh-Kajang disebabkan kejatuhan nilai ringgit akan ditanggung oleh pihak kontraktor. – Gambar hiasan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, status kemajuan Projek MRT Laluan Satu itu masih mengikut jadual yang ditetapkan dan telah mencapai tahap 70.21 peratus kemajuan.

Sidang Dewan Rakyat

Fasa satu projek iaitu dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka siap dan mula beroperasi pada 31 Disember 2016 manakala fasa kedua projek pula iaitu Semantan ke Kajang dijadualkan siap dan beroperasi pada 31 Julai 2017. – Bernama